

MAKLUMAT INOVASI 2016

Nama Ketua Kumpulan	En. Fakhrulisham bin Razali
Jawatan dan Gred :	Q41
Alamat	Bahagian Penyelidikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani Putrajaya.
No. Telefon	Tel:03-88702273 HP: 013-6033305
No Faks	Fax: 03-88905830
E-mail	Emel: fakhrul@dvs.gov.my
Senarai Ahli Kumpulan, Jawatan dan Gred:	
1. En. Mohammad Masrin Azami 2. En. Sharil Azwan Mohd Zain	

Tajuk inovasi
Smart MAP
Ringkasan Inovasi
Penghasilan Peta digital yang mempunyai "georeference" untuk kerja-kerja pengukuran, pembahagian kawasan, kawalanselia dan pemantauan projek di ladang ternakan
Latarbelakang
Projek pemetaan 8 Lembah Kaprima telah dijalankan secara berperingkat bermula dari 9 Mac 2015 hingga 30 April 2015. Objektif pemetaan ini adalah untuk menyediakan pelan khusus bagi menandakan kawasan lembah kaprima yang ingin ditawarkan kepada pengusaha ladang. Projek ini diselaraskan oleh Dr. Khairul Muhammad, En. Ismail Ariffin dan En. Ismail Jusoh dari DVS Terengganu dengan dibantu oleh pegawai-pegawai dari setiap daerah yang terlibat. Bagi aktiviti pemetaan telah dijalankan oleh En. Fakhrulisham Razali dan En. Mohammad Masrin Azami dari Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Putrajaya. Hasil pemetaan telah dibentangkan di dalam mesyuarat

lembah kaprima yang telah diadakan pada 29 April 2015 di DVS Terengganu. Hasil dari mesyuarat mendapati bahawa objektif projek ini telah dicapai dan tindakan susulan akan dijalankan oleh pihak DVS Terengganu untuk proses penawaran lembah kaprima kepada pengusaha ladang.

Penjelasan inovasi

Peta digital yang menggunakan gabungan teknologi GIS, GPS, RS untuk mengukur, membahagi mengurus dan memberikan maklumat yang tepat meliputi kawasan ladang.

Satu cara yang kos efektif dalam pemantauan dan pembahagian sumber kawasan di dalam ladang ternakan.

Pemantauan dan perkongsian peta melalui sistem atas talian.

Faedah inovasi

Output

- Peta digital ladang Kaprima Terengganu
- Paparan peta secara atas talian untuk perkongsian maklumat
- Pelan perancangan penilaian projek tahunan
- Perjanjian kontrak dengan penternak

Outcome

- Keupayaan untuk melihat dan memantau:
- Keluasan sebenar dan sumber di ladang ternakan
- Teknologi ini akan memberi manfaat kepada pihak pengurusan dalam melakukan perancangan masa depan dengan cara yang sistematik untuk keseluruhan kawasan ladang
- Dapat menjadi medium bagi ketersediaan sumber maklumat untuk kerja-kerja perancangan dan pembangunan ladang yang cepat dan efisien
- Pengurangan penggunaan tenaga kerja yang berkesan dalam menjalankan penilaian ladang

Faedah Lain:

- o Keseluruhan proses kerja dilakukan oleh kakitangan jabatan dan tidak melibatkan pihak luar.
- o Data dan maklumat disimpan dan dikawal oleh pegawai Jabatan
- o Tidak melibatkan kos perkhidmatan dari luar.
- o Maklumat disimpan dengan selamat dibawah selian pegawai jabatan